



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



AMALAN PENDEMOKRASIAN PENDIDIKAN DALAM  
PENGELOLAAN SEKOLAH AGAMA ISLAM DAN SEKOLAH  
CINA DI MALAYSIA

*THE PRACTICE OF DEMOCRATIZATION OF EDUCATION IN THE  
MANAGEMENT OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS AND CHINESE SCHOOLS  
IN MALAYSIA*

Mohd Syuja Saedin<sup>1\*</sup>, Nor Azlili Hassan<sup>2</sup>, Norazilah Buhari<sup>3</sup>, Taufik A. Latif<sup>4</sup>, Nik Norazira Abdul Aziz<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia  
Email: syuja@utar.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia  
Email: azlili@utar.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia  
Email: norazilah@utar.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia  
Email: taufik@utar.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia  
Email: nikanorazira@utar.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 27.06.2023

**To cite this document:**

Saedin, M. S., Hassan, N. A., Buhari, N., Latif, T. A., Abdul Aziz, N. N. (2023). Amalan Pendemokrasian Pendidikan Dalam Pengelolaan Sekolah Agama Islam Dan Sekolah Cina Di Malaysia. *International*

**Abstrak:**

Kewujudan Sekolah Agama Islam (SAI) dan Sekolah Cina (SC) telah mendahului sejarah pembentukan negara dan berkembang seiring dengan pelbagai dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan sehingga berjaya memartabatkan kedudukannya dalam arus pendidikan negara. Namun begitu, pihak pengelola di kedua-dua jenis sekolah tersebut didapati mengalami konflik dengan pihak kerajaan dalam memperjuangkan hak pendidikan mereka. Konflik antara pengelola sekolah dengan kerajaan adalah mengenai mengekalkan matlamat utama penubuhan sekolah atau kurikulum tradisi sekolah iaitu kurikulum *Diniah* (SAI) dan kurikulum bahasa dan budaya Cina (SC). Selain itu, pengelola sekolah juga mengalami konflik pertindanan kuasa pengelolaan antara Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan pihak kerajaan, kekaburan hak pendidikan berasaskan perundangan negara dan kekurangan keadilan dari aspek agihan bantuan kewangan kerajaan. Kajian ini bertujuan

*Journal of Modern Education*, 5 (17), 319-338.

DOI: 10.35631/IJMOE.517026

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



meneliti amalan pendemokrasian pendidikan yang wujud dalam pengelolaan di kedua-dua jenis sekolah. Dalam kajian kualitatif ini, data dikumpulkan melalui temu bual semi-struktur bersama dua orang pengelola dari SAI dan dua orang pengelola SC di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan pihak kerajaan dilihat mengamalkan demokrasi tidak sempurna dalam memenuhi empat aspek hak pendidikan SAI dan SC iaitu matlamat utama penubuhan sekolah, kuasa pengelolaan, perundangan dan agihan bantuan kewangan. Amalan kerajaan ini menunjukkan semangat pendemokrasian pendidikan yang mengutamakan hala tuju dasar pendidikan kebangsaan bagi memenuhi aspirasi negara dalam menghadapi keperluan abad ke-21.

**Kata Kunci:**

Pendemokrasian Pendidikan, Pengelolaan, Sekolah Agama Islam, Sekolah Cina

**Abstract:**

The existence of Islamic Religious Schools (IRS) and Chinese Schools (CS) preceeded the history of the formation of the country and developed along with the various educational policies implemented by the government until it successfully dignified its position in the current of national education. However, the managers in both types of schools were found to be in conflict with the government in fighting for their educational rights. The conflict between school managers and the government is about maintaining the main goal of school establishment or the school's traditional curriculum, namely the *Diniah* curriculum (IRS) and the Chinese language and culture curriculum (CS). In addition, school managers also experience conflicts of overlapping management powers between the School Management Board (SMB) and the government, the ambiguity of education rights based on national legislation and a lack of justice from the aspect of government financial aid distribution. This study aims to examine the practice of democratization of education that exists in the management of both types of schools. In this qualitative study, data was collected through semi-structured interviews with two managers from IRS and two CS managers in Malaysia. The findings of the study show that the government is seen to be practicing imperfect democracy in fulfilling the four aspects of both types of schools' educational rights, namely the main goal of establishing schools, management authority, legislation and the distribution of financial aid. This government's practice shows the spirit of democratization of education that prioritizes the direction of the national education policy to meet the country's aspirations in facing the needs of the 21st century.

**Keywords:**

Democratization Of Education, Management, Islamic Religious School, Chinese School

**Pengenalan**

Pendidikan merupakan proses pembinaan nilai-nilai kemanusiaan secara menyeluruh untuk memupuk dan mengembangkan seluruh potensi manusia sama ada dari aspek spiritual, mental

atau fizikal. Dalam konteks ini, setiap individu mempunyai hak mendapatkan pendidikan sama rata tanpa mengira jantina, bangsa mahupun agama. Dengan pendidikan, manusia dapat memahami perubahan dan perilaku pelbagai bagi meningkatkan kualiti dan taraf kehidupan manusia dalam membangunkan peradaban serta tamadun yang cemerlang (Zainal Abidin et al., 2020). Bagi mencapai dan menjayakan matlamat tersebut, maka sistem pendidikan mestilah berupaya menyediakan ruang dan peluang pendidikan yang secukupnya kepada semua lapisan masyarakat. Peluang pendidikan yang secukupnya secara tidak langsung telah membawa kepada pendemokrasian dalam pendidikan.

Pendemokrasian dalam pendidikan bukan sahaja berkaitan persamaan hak yang sama rata bagi setiap individu dalam proses pendidikan, sebaliknya turut merangkumi persamaan hak yang sama rata dari segi peluang mendapatkan pendidikan yang bermutu (Mohamed, 1997). Oleh yang demikian, secara konsepnya pendemokrasian dalam pendidikan berkait rapat dengan peluang serta mutu keseluruhan proses pendidikan yang melibatkan semua peringkat. Dalam konteks negara Malaysia, pendidikan adalah berdasarkan kepada apa yang diungkapkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menjadi teras dan tonggak kepada sistem pendidikan negara (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012).

Di Malaysia, kurikulum kebangsaan menjadi wadah program pendidikan negara termasuklah kurikulum, kokurikulum, ekuiti dan pelaksanaannya. Namun demikian, masih wujud kekangan yang dihadapi oleh institusi pendidikan seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Cina (SC) dalam melaksanakan proses pendidikan. Hal ini telah menyebabkan badan pengelola di kedua-dua jenis sekolah berkenaan mencabar pelaksanaan beberapa dasar kerajaan dan Akta Pendidikan yang dilihat bertentangan dengan hak pendidikan mereka.

Kewujudan SAR dan SC telah mendahului sejarah pembentukan negara dan berkembang seiring dengan pelbagai dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan sehingga berjaya memartabatkan kedudukannya dalam arus pendidikan negara. SAR telah meletakkan asas pelajaran agama sebagai teras utama di samping kemahiran yang lain. Namun, amalan pendemokrasian dalam pendidikan dilihat tidak dilaksanakan secara holistik kerana kesan paling ketara ialah kehilangan kurikulum *Diniah* atau kurikulum *Al-Azhar* yang menjadi identiti penting bagi sekolah agama sejak zaman berzaman (Umar dan Hussin, 2015). Selain itu, perjalanan pengajaran kurikulum *Diniah* di Sekolah Agama Islam diuruskan oleh pihak berkuasa agama negeri dan pihak sekolah. Keadaan ini telah memberi kesan kepada autoriti struktur pentadbiran organisasi di peringkat sekolah di sebahagian negeri (Umar dan Md Nawi, 2016). Implikasinya, perjalanan kurikulum *Diniah* berdepan dengan cabaran pengabaian dari sudut tempoh masa dan peratusan nisbah kandungannya berbanding dengan perjalanan sebelum ia memasuki sistem Pendidikan Kebangsaan. Amalan demokrasi tidak sempurna dilihat berlaku di SAR apabila penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar tidak dapat dilaksanakan dan kelayakan menerima bantuan per kapita mata pelajaran sekolah agama sama seperti mata pelajaran sekolah kebangsaan turut terpinggir (Husaini et al., 2018).

Manakala Sekolah Cina turut menerima amalan demokrasi tidak sempurna dalam pendidikan. Sekolah Cina sangat diutamakan kerana mencerminkan nilai-nilai moral, budaya dan ekonomi yang dikaitkan dengan orang Cina dalam pendidikan kepada anak-anak mereka (Collins, 2011). Pendidikan Cina dijemakan dalam bentuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) sebagai kubu pertahanan budaya Cina di negara ini. Oleh sebab itu, institusi pendidikan ini turut mahukan penggunaan bahasa ibunda dalam

pendidikan sebagai identiti yang harus dipelihara (Yong dan Abdullah, 2023). Lantaran itu, pengelola pendidikan Cina yang diterajui Dong Jiao Zong (DJZ) ingin membela perjuangan pendidikan Cina di negara ini untuk pengekalannya identiti etnik, persepsi tentang konsep pluralisme dalam bidang pendidikan dan identiti bahasa dalam konsep satu aliran persekolahan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar (Peng, 2013). Kerisauan badan pengelola ini jelas terpancar apabila pelaksanaan Sekolah Wawasan yang dilakukan pada 2003. Badan pengelola sekolah Cina berasaskan struktur pentadbiran akan berada di bawah penguasaan Kementerian Pendidikan sepenuhnya dan bukan di bawah penguasaan lembaga pengelola sekolah yang terdiri daripada ahli pendidik Cina dan ibu bapa seperti yang diamalkan di sekolah Cina sebelum ini. Hal ini dilihat seolah-olah menghakis sistem dan proses pendidikan sekolah Cina itu sendiri.

Konflik antara pihak pengelola sekolah dan kerajaan ini berlaku kerana dasar pendidikan negara yang mengutamakan bahasa dan kebudayaan kebangsaan atau dikenali sebagai mono-lingualisme (satu bahasa) dalam pembinaan bangsa. Semua sekolah aliran kebangsaan menggunakan dasar mono-lingualisme dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka (Cheong, 2013). Hal yang berbeza dengan pengelola SAR dan SC yang mendakwa bahawa dasar kepelbagaian bahasa (multi-lingualisme) yang digunakan dalam sekolah mereka juga mempunyai kelebihan tertentu dan membantu dalam pembinaan bangsa. Mereka berpandangan bahawa penggunaan selain bahasa kebangsaan seperti bahasa Arab di SAR dan bahasa Mandarin di SC mampu menjamin perpaduan nasional.

Selain itu, konflik kuasa pengelolaan juga berlaku dalam SAR yang melibatkan kerajaan persekutuan (Kementerian Pendidikan Malaysia), kerajaan negeri (Jabatan Agama Islam Negeri) dan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Pertindanan kuasa antara dua atau tiga pihak ini berkaitan dengan perundangan negara yang menetapkan bahawa kuasa pendidikan adalah di bawah KPM, kuasa agama Islam adalah di bawah JAIN dan kuasa pengurusan sekolah di bawah LPS. Hal yang demikian membawa masalah kepada perkembangan SAR kerana tidak pasti pihak manakah sebenarnya bertanggungjawab dalam pengelolaan sekolah terutamanya dari aspek agihan bantuan kewangan (Umar dan Hussin, 2015). Bagi SC pula, tidak berlaku pertindanan kuasa pengelolaan kerana SC dikelolakan oleh satu badan pengelola sahaja. Sebagai contoh, SMPC dikelolakan sepenuhnya oleh LPS masing-masing. Manakala bagi SJKC dan SMJK diletakkan di bawah KPM sepenuhnya kerana kedua-dua sekolah tersebut adalah beraliran kebangsaan.

Kelompangan dan keciciran dalam pendidikan tidak harus berlaku dalam amalan pendemokrasian pendidikan. Lantaran itu, perjuangan badan pengelolaan kedua-dua jenis sekolah iaitu SAR dan SC adalah untuk mempertahankan kedudukan dan identiti sekolah yang bermula sebelum kemerdekaan negara sehingga kini. Badan pengelola sekolah tersebut mencabar pelaksanaan beberapa dasar kerajaan dan Akta Pendidikan yang dilihat bertentangan dengan hak pendidikan mereka dan menafikan amalan demokrasi dalam pendidikan. Konflik antara badan pengelola dengan kerajaan adalah kelompangan mengenai matlamat utama penubuhan sekolah, kuasa pengelolaan, perundangan dan agihan bantuan kewangan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh manakah amalan pendemokrasian pendidikan wujud dalam pengelolaan SAI dan SC dari empat aspek hak pendidikan iaitu matlamat utama penubuhan sekolah, kuasa pengelolaan, perundangan dan agihan bantuan kewangan di kedua-dua jenis sekolah tersebut.

## Sorotan Literatur

Demokrasi pendidikan bermaksud persamaan hak untuk mendapatkan pendidikan tanpa adanya perbezaan. Manakala pendemokrasian pendidikan pula bermaksud suatu proses yang berterusan untuk mendapatkan hak-hak pendidikan secara sama rata dan adil (Mat Diah, 1989). Konsep asas pendemokrasian pendidikan adalah menyediakan peluang pendidikan untuk semua kelompok masyarakat tanpa mengira latar belakang etnik, budaya, agama, status sosial dan geografi (Dewey, 1966). Selain itu, pendemokrasian pendidikan juga bermaksud menyediakan peluang yang terbuka kepada semua kelompok masyarakat untuk berjaya dalam pendidikan dan menjadikan pendidikan sebagai salah satu agen yang boleh meningkatkan kejayaan dan kualiti hidup. Contohnya sekolah sebagai salah sebuah institusi pendidikan perlu membentuk pelajar-pelajar untuk menjadi individu yang demokratik dan mengamalkan demokrasi (Darling-Hammond, 1997). Pendidikan yang berkualiti untuk semua kelompok juga didapati perlu dilaksanakan dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan konsep amalan demokrasi agar boleh membentuk keseimbangan dan kesamaan dalam semua bidang tanpa mengira sebarang latar belakang budaya.

Demokrasi dalam pendidikan adalah meliputi beberapa perkara. Ibu bapa adalah bebas dan tiada paksaan untuk memilih aliran sekolah dan bahasa pengantar yang bersesuaian dan dengan idaman budaya hidup masing-masing (Hussin, 2002). Disebabkan pendidikan adalah salah satu daripada hak asasi individu, maka semua kanak-kanak adalah diberikan peluang yang sama rata tanpa sekatan atau diskriminasi untuk mendapatkan pendidikan. Selain itu, kurikulum sekolah perlu mempunyai pelbagai mata pelajaran wajib dan elektif, serta pelajar-pelajar perlu menduduki peperiksaan untuk semua mata pelajaran yang diambil. Semua pelajar juga diberikan peluang yang sama rata untuk lulus dan berjaya dalam pendidikan mereka termasuklah diberikan bantuan kewangan, tuisyen, makanan, pakaian dan sebagainya. Akhirnya, semua sekolah perlu mempunyai kualiti kemudahan dan sumber yang baik dan sama tanpa mengira lokasi dan saiz sekolah. Lantas, dengan adanya amalan demokrasi dalam pendidikan boleh mewujudkan keadilan dan meningkatkan status sosial seseorang individu (Darling-Hammong, 1997 dan O’Hair, 2000).

Namun, pendemokrasian pendidikan juga dilihat kurang berkesan sekiranya didapati adanya kelompok masyarakat yang terpinggir daripada diberikan peluang pendidikan yang sesuai. Aspek pembangunan sumber manusia juga dilihat memberi kesan kepada pendidikan. Keciciran sekolah boleh menyebabkan kehilangan potensi seseorang untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Ini kerana jumlah keciciran yang berlaku boleh menjejaskan peluang seseorang individu untuk mendapat pendidikan, pekerjaan dan pendapatan yang baik, serta menghadkan peluang untuk meningkatkan mobiliti sosial (Dewey, 1966).

Sekiranya situasi ini berpanjangan, ianya boleh memberi kesan kepada pembangunan ekonomi dan sumber manusia kerana tenaga pekerja mungkin terlepas peluang untuk maju ke hadapan di usia muda. UNESCO (1990) mendapati bahawa banyak kes keciciran berlaku di luar bandar disebabkan jarak sekolah dengan tempat tinggal adalah agak jauh dan ini menyusahkan pelajar yang masih kanak-kanak. Ada juga pelajar kanak-kanak yang turut bekerja untuk menampung hidup keluarga. Keadaan ini menyebabkan adanya pelajar-pelajar yang gagal belajar dengan sempurna dan akhirnya berlaku keciciran dalam persekolahan mereka.

Justeru, demokrasi pendidikan sememangnya membawa faedah kepada masyarakat, tanpa mengira latar belakang etnik dan strata. Amalan ini dapat mengurangkan kes buta huruf dan juga kemunduran sosio ekonomi kerana pendidikan boleh meningkatkan pemikiran, tahap inovasi dan kualiti seseorang individu. Amalan ini adalah suatu dasar yang baik dengan kesan jangka panjang tetapi memerlukan sedikit pelaburan.

Sistem sekolah agama Islam berasal daripada sistem pengajian pondok yang telah lama wujud di Semenanjung Tanah Melayu seiring dengan kegiatan penyebaran agama Islam di Alam Melayu. Namun begitu, perkembangan sistem pengajian pondok mengalami kemerosotan pada era penjajahan British. Pada masa itu, selain sistem pondok, Semenanjung Tanah Melayu juga mempunyai sistem sekolah vernakular seperti Sekolah Melayu, Sekolah Inggeris, Sekolah Tamil dan Sekolah Cina. Ketika kemunculan sekolah vernakular ini, ia menjadi saingan dengan sekolah aliran agama (pondok) dalam masyarakat Melayu untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah vernakular Melayu atau pondok tersebut (Amin dan Jasmi, 2012).

Sistem pengajian pondok telah dikemaskinikan dengan pengajian madrasah yang lebih tersusun dan formal. Penggunaan waktu dan jadual pembelajaran yang tetap, buku teks, sukatan mata pelajaran dan sarana dan prasarana persekolahan yang lengkap telah diamalkan dalam sistem madrasah. Manakala mata pelajaran yang diajar merangkumi ilmu Islam dan akademik. Antara mata pelajaran ilmu Islam adalah seperti Aqidah, Fekah dan Tauhid manakala ilmu akademik seperti bahasa Melayu, Matematik, Sejarah (Ishak et. al, 2019). Hal ini telah menyebabkan berlaku perubahan sambutan masyarakat Melayu yang mula menghantar anak-anak mereka belajar di madrasah.

Sistem madrasah ini sebenarnya telah diasaskan bagi mendepani cabaran yang dikemukakan oleh kerajaan British yang menawarkan sistem pendidikan Inggeris. Bagi memberikan saingan kepada sekolah-sekolah yang ditawarkan oleh British, sekumpulan ulama' muda melalui ketokohan Syeikh Tahir Jalaluddin dan Sayid Syeikh Ahmad al-Hadi telah mengasaskan beberapa buah madrasah sebagai satu pemikiran gerakan pembaharuan (Islah) Islam di Tanah Melayu. Gerakan pembaharuan ini banyak dipengaruhi oleh pemikiran Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh. Beberapa buah madrasah telah dibina bagi menggerakkan kefahaman dan pemikiran dalam kalangan umat Islam. Antara madrasah yang ditubuhkan oleh Syeikh al-Hadi ialah Madrasah al-Iqbal di Singapura pada tahun 1907, Madrasah al-Hadi pada tahun 1917 dan Madrasah al-Masyhur al-Islamiah di Pulau Pinang pada tahun 1919 (Langgulung, 2003).

Perkembangan penubuhan madrasah yang pesat menunjukkan minat dan kesungguhan masyarakat Melayu yang tinggi terhadap pembelajaran ilmu agama. Sistem madrasah menjadi pilihan utama ibu bapa berbanding sekolah vernakular Melayu dan sekolah vernakular Inggeris kerana ia menawarkan dwikurikulum iaitu kurikulum Diniyah dan kurikulum kebangsaan serta kemudahan pembelajaran yang lebih bersistematik. Kini, madrasah ini lebih dikenali dengan nama sekolah agama. Sekolah agama dapat dikategorikan kepada beberapa nama seperti berikut; Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Kolej Islam (KI) dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Sekolah Agama Swasta (SAS) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) (Umar, 2011).

Sistem pendidikan sekolah Cina di Malaysia pula merupakan satu sistem persekolahan yang lengkap dan menyeluruh. Ia bermula dari peringkat sekolah rendah vernakular Cina iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). SJKC dan SMPC menawarkan kurikulum yang mengutamakan pendidikan dalam bahasa ibunda dan budaya Cina. Tujuan utama kurikulum pendidikan Cina ini digunapakai adalah untuk memastikan anak murid dan pelajarnya dapat mengekalkan identiti etnik Cina dan mewariskan kebudayaan Cina (Yoong dan Abdullah, 2023).

Secara asasnya, sekolah Cina awal di Tanah Melayu adalah terdiri daripada sebuah kelas sementara dalam kawasan sebuah tokong, rumah perniagaan atau rumah seorang ketua masyarakat Cina. Pada peringkat awal, sekolah Cina dibina secara persendirian hasil derma dan bantuan perseorangan dan persatuan Cina. Antara sekolah Cina yang terawal di Tanah Melayu ialah Wu Fu Shuyuan yang dibina pada tahun 1819 di Pulau Pinang. Pada era 1880 an, sekolah Cina berkembang dengan pesat di Negeri-negeri Selat apabila terdapat 52 buah sekolah Cina di Pulau Pinang, 51 buah sekolah di Singapura dan 12 buah sekolah di Melaka (Sia, 2005). Pertambahan bilangan sekolah Cina yang subur ini disebabkan oleh faktor penghijrahan beramai-ramai orang Cina ke Tanah Melayu dan pendekatan bebas penjajah British terhadap pembinaan dan pembiayaan sekolah Cina.

Penghijrahan imigran Cina telah membawa bersama mereka sistem pendidikan Cina bagi mendidik anak-anak mereka tentang bahasa dan kebudayaan Cina. Pertambahan penduduk Cina, terutamanya yang dilahirkan di Tanah Melayu menyebabkan permintaan yang tinggi terhadap pendidikan. Sebagai contoh, pada tahun 1921 terdapat 230,221 orang kanak-kanak di bawah umur 15 tahun dan bilangan ini meningkat kepada 434,021 pada tahun 1931 (Sia, 2005). Justeru, penubuhan sekolah Cina menjadi satu agenda penting dalam sistem pendidikan mereka.

Walaupun begitu, keadaan bangunan sekolah dan kemudahan sekolah Cina pada peringkat awal amat tidak memuaskan. Hal yang demikian kerana sekolah Cina adalah sekolah jenis persendirian dan tidak mendapat bantuan daripada pihak penjajah British. Dari aspek kurikulum pula, sekolah Cina tradisional ini mempunyai struktur sukatan pelajaran yang sama seperti di negara China. Buku teks dan guru terlatih yang mengajar adalah dibawa dari negara China (Tan, 2005).

Selain faktor penghijrahan imigran Cina, pendekatan bebas (*laissez faire*) yang diamalkan oleh penjajah British juga telah menyebabkan pertambahan bilangan sekolah Cina. British tidak menyekat perkembangan sekolah Cina kerana mereka melihat orang Cina sebagai penduduk asing yang sementara dan bahasa pengantar mereka bukanlah bahasa Melayu (Sia, 2005). Secara keseluruhannya sorotan literatur kajian boleh dirumuskan sebagaimana dalam jadual berikut;

**Perbezaan Sistem Pendidikan Sekolah Agama Islam dan Sekolah Cina**

Tahun	Penulis	Tajuk	Hasil Dapatan
2012	Mohd Hairudin Amin dan	Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu dan Cabaran.	Sekolah agama telah menyelusuri bersama perkembangan pendidikan melalui pelbagai dasar pendidikan kerajaan sehingga berjaya

	Kamarul Azmi Jasmi		memertabatkan kedudukannya dalam arus perdana pendidikan negara.
2019	Maziahtusima Ishak et al.	Isu Dan Cabaran Pendidikan Pondok Dari Lensa Pegawai Jabatan Dan Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia.	Institusi pondok mempunyai permasalahan tersendiri. Antaranya adalah berkaitan dengan kurikulum, kewangan dan isu pengurusan seperti infrastruktur, tenaga pengajar dan pendaftaran. Permasalahan ini perlu diatasi secara tuntas bagi memperkasa institusi pondok dalam merealisasikan agenda transformasi negara.
2003	Hassan Langgulung	Asas–Asas Pendidikan Islam	Pendidikan itu merupakan sala satu bidang terapan (applied) yang dikaitkan dengan asas-asas dan ilmu pengetahuan. Asas-asas ini membimbing dan memberikan panduan untuk menyelaraskan pendidikan meliputi sejarah, sosial, ekonomi, politik – pengurusan dan psikologi.
2011	Azizi Umar	Azizi Umar. 2011. Penginstitusian Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dalam Polisi Pendidikan Kebangsaan: Satu Kajian Kes di Kelantan.	Terdapat empat dimensi kekangan utama iaitu dimensi matlamat dan amalan kurikulum <i>Diniah</i> ; autoriti dan pengaruh kuasa; sumber dan pengagihan kewangan; pelantikan, keperluan dan bebanan pengajaran guru. Setiap dimensi mempunyai elemen-elemen dan bahagian yang diteliti secara khusus.
2023	Chin Tek Yoong & Nur Atiqah Tang Abdullah	Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur.	Faktor kedatangan imigran Cina besar-besaran dari Tanah Besar China pada kurun ke-19 telah menubuhkan sekolah Cina. Mereka telah mengekalkan pendidikan bahasa ibunda Cina, yang dijelmakan dalam bentuk SJK(C) dan SMPC di bawah jagaan Dong Jiao Zong.
2005	Sia Keng Yek	SRJK (Cina) dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan- Dilema dan Kontroversi.	Bahasa dan Pendidikan Cina di Malaysia merupakan suatu isu yang sentiasa menarik minat dan perhatian daripada semua lapisan masyarakat. Isu ini adalah begitu kompleks, sensitif dan emosional.
2005	Tan Yao Sua	Politik Dongjiaozong Dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982).	Keutamaan pemupukan elemen kebangsaan dalam pembinaan sesebuah negara. Namun, hak kumpulan minoriti seperti bahasa, budaya dan identiti bangsa perlu dihormati dan diberikan demi menjaga keharmonian masyarakat keseluruhannya.



### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan data diperolehi hasil daripada temu bual semi-struktur dengan empat orang informan yang terlibat dengan pengelolaan sekolah. Proses temu bual dirancang oleh pengkaji berdasarkan prosedur dan kandungan temu bual. Temu bual dipilih bagi mendapat maklumat yang berkaitan dengan kajian daripada pihak informan berdasarkan pengalaman mereka (McNamara, 1999). Pemilihan informan bertepatan dengan objektif kajian yang bertujuan meneliti amalan pendemokrasian pendidikan yang wujud dalam memenuhi matlamat penubuhan sekolah, kuasa pengelolaan, perundangan dan agihan bantuan kewangan. Kesemua informan pernah menjawat jawatan sebagai guru serta mempunyai pengalaman melebihi sepuluh tahun dalam urusan pentadbiran sekolah dan juga merupakan aktivis sosial dalam bidang pendidikan. Setiap informan mewakili *Non-Government Organization* (NGO) pendidikan masing-masing yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu 2 orang daripada NGO pendidikan SAR dan 2 orang daripada NGO pendidikan SC sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

**Senarai Informan dan Jenis Sekolah**

No.	Jenis NGO pendidikan	Nama NGO pendidikan	Jenis sekolah yang dikelola
1.	Sekolah Agama Islam	i. Pertubuhan Hal-Ehwal Sekolah Agama (HESA) ii. Pertubuhan Pendukung SAR (PPSR)	- Sekolah Agama Rakyat - Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)
2.	Sekolah Cina	i. Dong Jiao Zong (DJZ) ii. Pusat Perkembangan Kebudayaan Lim Lian Geok (LLG)	- Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) - Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC)

Kaedah *purposive sampling* digunakan bagi memastikan pemilihan informan yang tepat bagi kajian ini. Kaedah ini dipilih bagi tujuan mengecilkan kumpulan informan dengan cepat dan berkesan. Kriteria yang ditetapkan bagi tujuan pemilihan informan ialah:

- i. Berpengalaman dalam mengajar sekurang-kurangnya 5 tahun.
- ii. Tahap pendidikan sekurang-kurangnya peringkat ijazah sarjana muda.
- iii. Berpengalaman dalam pengelolaan sekolah sekurang-kurangnya 5 tahun.
- iv. Memegang jawatan tinggi dari sudut kedudukan pangkat, kelayakan dan autoriti seperti pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan ahli jawatankuasa (AJK).
- v. Masih aktif melibatkan diri dalam aktiviti sosial pendidikan bersama NGO.

### Dapatan Dan Perbincangan

Kesemua informan yang dipilih memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dalam kajian. Mereka mempunyai autoriti dalam memberikan pandangan kerana mempunyai pengalaman yang luas dan pernah memegang jawatan tertinggi dalam pengelolaan sekolah. Data demografi informan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual berikut;

**Demografi Informan**

<b>Informan</b>	<b>Pengalaman mengajar di sekolah</b>	<b>Ijazah Sarjana Muda</b>	<b>Pengalaman pengelolaan sekolah</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Nama NGO pendidikan</b>
1	15 thn	/	10 thn	AJK Tertinggi	HESA
2	20 thn	/	10 thn	AJK Tertinggi	PPSR
3	10 thn	/	8 thn	AJK Tertinggi	DJZ
4	20 thn	/	15 thn	AJK Tertinggi	LLG

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, kajian mendapati pihak kerajaan melaksanakan pendemokrasian pendidikan yang tidak sempurna atau sepenuhnya terhadap kedua-dua jenis sekolah. Pelaksanaan tersebut dilihat dari empat aspek iaitu; kebebasan untuk mencapai matlamat utama penubuhan sekolah, kebebasan mendapatkan hak dalam perlembagaan dan perundangan, kebebasan kuasa pengelolaan sekolah dan kebebasan dalam mendapatkan agihan bantuan kerajaan.

***Kebebasan dalam Mencapai Matlamat Utama Penubuhan Sekolah***

Kewujudan SAR dan SC berkait rapat dengan matlamat utama penubuhan sekolah yang berlandaskan kurikulum identiti sekolah. SAR ditubuhkan untuk memberikan pengajian agama dengan menggunakan kurikulum *Diniah*. Manakala SC pula ditubuhkan bertujuan untuk memberikan kurikulum berasaskan bahasa dan nilai kebudayaan Cina. Kurikulum identiti merupakan kurikulum tambahan kepada kurikulum kebangsaan yang digunakan oleh kedua-dua jenis sekolah. Hal yang demikian kerana penubuhan SAR dan SC mesti menggunakan kurikulum kebangsaan yang berasaskan FPK yang menjadi acuan tersendiri dalam membangunkan negara bangsa Malaysia. Kenyataan Informan 1 dan 3 mengesahkan perkara tersebut;

Informan 1: *Kita mengambil apa ni kurikulum kebangsaan, kita mengamalkan falsafah pendidikan kebangsaan, cuma kita tambah. Apa yang diajar di sekolah kerajaan, kita ajar di sekolah kita dengan tambahan kita ada penekanan pada elemen-elemen diniah ni, agama ni kita lebih.*

Informan 3 : *Sekolah Cina ditubuhkan untuk memberikan pendidikan kepada pelajar supaya mereka menjadi manusia yang berilmu, berkemahiran dan ada nilai-nilai moral yang baik. So, saya fikir tujuannya adalah lebih kurang samalah dengan falsafah pendidikan kebangsaan kita.*

Berdasarkan hasil dapatan temu bual, pihak kerajaan telah memberikan kebebasan bersyarat kepada pihak pengelola SAR dan sekolah Cina untuk menubuhkan dan mengusahakan sekolah mereka. Kebebasan bersyarat penubuhan sekolah itu antaranya ialah selain dibenarkan menggunakan kurikulum identiti, kedua-dua jenis sekolah diwajibkan menggunakan kurikulum kebangsaan. Kebenaran kerajaan ini menunjukkan wujudnya pendemokrasian pendidikan yang diamalkan dalam sistem pendidikan negara mengikut Akta Pendidikan 1996.

Bagi pihak pengelola sekolah, matlamat dan dasar pendidikan sekolah mereka adalah selari dengan FPK iaitu melahirkan generasi pelajar yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan

memberi sumbangan kepada kebaikan masyarakat dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Kewujudan sekolah SAR dan SC ini bukan hanya membantu kerajaan dalam memenuhi tanggungjawab pendidikan, bahkan membantu melengkapkan pendidikan kebangsaan dari aspek akademik dan nila-nilai kebudayaan masyarakat tempatan. Informan 2 menegaskan fakta tersebut dengan menyatakan bahawa;

Informan 2 : *Kalau kita lihat apa yang dibuat oleh SAR dan SC tidaklah bertentangan dengan falsafah pendidikan kebangsaan tu. Kalau secara terperinci mungkin ada perbezaan tapi perbezaan kurikulum tidak menyebabkan matlamatnya berbeza.*

Secara ringkasnya, pengkaji mendapati bahawa pendemokrasian pendidikan terlaksana terhadap pengelolaan di kedua-dua jenis sekolah dengan wujudnya kebebasan penawaran kurikulum identiti sekolah. SAR dan SC dibenarkan untuk menggunakan kurikulum sendiri dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kurikulum sendiri atau dikenali kurikulum tradisi merupakan rancangan pendidikan yang telah dirangka bagi mencapai matlamat asal penubuhan sekolah (Umar dan Md Nawi, 2016). Bagi pengelola sekolah, kurikulum sendiri ini lebih istimewa kerana ia menekankan kepada keseimbangan akademik dan sahsiah pelajar. Justeru, pihak pengelola sekolah sentiasa memperjuangkan kelangsungan kurikulum identiti dalam arus pendidikan kebangsaan.

#### ***Kebebasan Mendapatkan Hak dalam Perlembagaan dan Perundangan***

Kewujudan kedua-dua sekolah adalah sah dan dibenarkan untuk beroperasi berdasarkan kepada perlembagaan dan Akta Pendidikan 1996. Namun, pihak pengelola sekolah mempertikaikan dari aspek pelaksanaan pihak kerajaan dalam memberikan keadilan dan kebebasan pendidikan mereka. Pengelola SAR mempersoalkan pelaksanaan kerajaan dari aspek bantuan kewangan terhadap SAR walaupun status sekolah mereka adalah sah di sisi perlembagaan negara. Pengelola SC pula melahirkan kebimbangan mereka terhadap jaminan kerajaan bagi kelangsungan sekolah Cina walaupun dipelihara dalam Akta Pendidikan 1996. Namun mereka merasakan kerajaan mampu bertindak melanggar Akta Pendidikan 1996 untuk menutup sekolah Cina.

Informan 4 : *Jadi sejarah sebelum kemerdekaan, sekolah Cina ini telah diterima. Ia telah termaktub dalam dia punya Akta Pendidikan. Akta Pendidikan telah digubal mungkin 3 kali, 3 kali dan dia masih lagi mengekalkan sekolah jenis kebangsaan. Yang kedua SMPC, dia tidak ada dalam akta tetapi dia diterima sebagai satu pendidikan swasta.*

Kedudukan SAR adalah kukuh kerana faktor agama Islam sebagai agama persekutuan yang dijamin melalui Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3(1) (Umar, 2015). Merujuk kepada peruntukan tersebut, ia memperkuatkan hak-hak umat Islam dalam Malaysia. Hak-hak umat Islam dalam memperolehi pendidikan Islam pula telah diperuntukkan di bawah Seksyen 50(1) berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Mengikut akta tersebut, sesebuah institusi pendidikan yang terdapat lima orang murid Islam atau lebih, maka mereka hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri. Seterusnya, peruntukan bantuan kewangan kepada SAR termaktub di bawah Seksyen 52 Akta Pendidikan 1996. Ini bermakna hak pendidikan SAR berkaitan status sekolah dan kewujudan bantuan kewangan

kerajaan adalah sah dan diterima dalam perundangan negara sebagaimana dijelaskan oleh Informan 1 di bawah;

Informan 1 : *Sekolah agama di negara kita ni termasuk SAR dari segi status dan bantuan pendidikan dah terjamin...memang ada sebut dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan 1996.*

Manakala status bagi sekolah Cina pula diperakukan dalam Akta Pendidikan 1996 yang memberikan perlindungan undang-undang bagi pengekal status quo sekolah vernakular di negara ini. Peruntukan 21 (2) Akta Pelajaran 1961 yang memberikan kuasa kepada menteri untuk menukarkan status SJKC kepada Sekolah Kebangsaan (SK) juga telah dimansuhkan (Peng, 2013). Malah menerusi Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996, Menteri Pendidikan diberikan kuasa untuk menubuhkan dan menyelenggarakan sekolah-sekolah berkenaan. Status kewujudan SMPC pula terjamin dalam Seksyen 73(1) Akta Pendidikan 1996 yang membenarkan penubuhan dan penyenggaraan institusi pendidikan swasta (Peng, 2013).

Walaupun status SC khasnya SJKC dipelihara dalam Akta Pendidikan 1996, namun DJZ sentiasa berwaspada terhadap implikasi pelaksanaan Akta Pendidikan 1996 ke atas SJKC. Kekhuatiran mereka berasaskan kepada kenyataan pemimpin-pemimpin kerajaan yang berhasrat untuk menghapuskan sistem sekolah Cina. Sebagai contoh, ucapan perasmian Dato Seri Najib Tun Abdul Razak selaku Menteri Pendidikan dalam Seminar Pengajaran Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada 14 November 1996 (Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda DJZ, 1999). Beliau menegaskan bahawa kerajaan pasti tidak akan membenarkan kewujudan aliran yang berlainan dalam sistem pendidikan negara.

Pengelola SC khasnya DJZ menyedari akta yang berkaitan dengan ‘matlamat akhir’ dalam Laporan Razak 1961 yang membenarkan kuasa menteri untuk menghapuskan sekolah vernakular telah dimansuhkan. Namun begitu, mereka percaya bahawa kerajaan masih mempunyai kuasa untuk memansuhkan sekolah Cina atas kapasiti rang undang-undang yang lain. Mereka masih berasa bimbang dengan pindaan perlembagaan yang akan digunakan bagi memansuhkan sekolah vernakular (Peng, 2013).

Status kewujudan dan penubuhan SAR adalah dijamin dalam perlembagaan negara. Bahkan mereka berhak mendapat peruntukan bantuan kewangan daripada kerajaan. Walaupun status SAR yang sah di sisi perlembagaan persekutuan, namun SAR tidak mendapat keadilan dari aspek bantuan sumber dan agihan kewangan daripada pihak kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri (Zainal Abidin et al., 2020). Keadaan ini berbeza dengan SC yang masih belum kukuh status kedudukannya berkaitan agihan kewangan dalam perlembagaan negara, tetapi mendapat bantuan daripada kerajaan persekutuan.

### ***Kebebasan Kuasa Pengelolaan Sekolah***

Setiap institusi sekolah mempunyai kuasa tersendiri yang menentukan dasar pendidikan dan pengelolaan sekolah. Bagi SAR, kuasa yang terlibat adalah kerajaan negeri dan Jemaah Pengelola Sekolah (JPS). Kerajaan negeri mempunyai pelbagai bentuk jentera sama ada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau badan berkanun yang diwujudkan seperti Yayasan Islam Kelantan (YIK). Manakala Jemaah Pengelola Sekolah (JPS) atau Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) merupakan badan tertinggi dalam carta organisasi mereka yang bertindak sebagai penaung (Umar, 2015).

SAR mengalami konflik dua kuasa pengelolaan iaitu antara kerajaan negeri melalui jabatan agama dan LPS. Hal ini berlaku kerana setiap pihak berkuasa agama negeri mempunyai corak dan gaya pengurusan yang berbeza dalam mengurus dan mentadbir SAR. Kepelbagaian ini dapat dilihat bukan setakat dari sejarah perkembangan dan perubahan SAR sahaja tetapi juga dalam hal berkaitan dengan perbezaan kuasa ke atas SAR. Ini dapat dibuktikan apabila informan 2 menyatakan ;

Informan 2 : *Kuasa pengawalan di bawah majlis agama Islam. Kuasa YIK menguruskan sekolah. Bermakna YIK sendiri kalau nak tubuh sekolah mesti dapatkan kebenaran daripada majlis agama Islam. YIK ada enakmen dia dan kuasa. Semua kuasa tu datang la bila ada enakmen ini.*

Pertindanan kuasa juga berlaku antara kerajaan negeri dan LPS dalam pentadbiran SAR. Hal ini berlaku apabila sekolah yang dibina di atas tanah wakaf negeri tetapi ditadbir oleh LPS dan bukan jabatan agama negeri sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 1 di bawah;

Informan 1 : *Pada kita, kedua-dua tu, lembaga pengelola dan negeri ada kaitan. Jabatan agama dia ada kaitan dengan sekolah tu kerana sekolah tu dibina di atas tanah wakaf yang mengajar agama Islam tetapi sekolah tu pula bukan ditadbir oleh jabatan agama.*

Selain itu, pengelolaan SAR juga mengalami pertindanan dua kuasa yang berautoriti dalam menguruskan SAR iaitu kuasa kerajaan negeri atas nama kuasa hal ehwal agama Islam dan kuasa Kerajaan Persekutuan atas nama hal ehwal pendidikan. Fungsi tersebut berasaskan Perlembagaan Persekutuan Jadual 9, Senarai 1 yang membatasi fungsi pendidikan ke atas pembangunan SAR (Umar, 2015). Pada masa yang sama, Jadual 9, Senarai 2 telah meletakkan SAR di bawah fungsi agama dan terikat dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Konflik dua kuasa ini masih berterusan tanpa sebarang titik pertemuan sehingga ke hari ini dalam mencari kuasa penyelarasan antara kedua-duanya. Fakta dinyatakan oleh informan 1 seperti di bawah;

Informan 1 : *Jadi, kalau kita kata kita melihat dari perspektif ia sebagai sekolah agama, maka dia kena duduk bawah negeri. Tetapi yang diajar oleh sekolah tu bukan agama dalam konteks yang difahami dalam bahasa perlembagaan tu. Maka sepatutnya dia bawah federal sebab itu adalah pendidikan.*

Sementara itu, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) walaupun berada di bawah kuasa kerajaan persekutuan dan tidak mempunyai kaitan dengan DJZ tetapi mempunyai LPS yang mana bidang kuasanya hanya terhad kepada pendanaan sekolah (*fund raising*). Hal ini diakui oleh informan 4, yang menyatakan:

Informan 4 : *Maksudnya dari segi SMJK ni dia autoriti, dia ada banyak diambil oleh kerajaan. Dari segi itu kurikulum, peperiksaan, apa bendalah. Tapi lembaga pengelola SMJK dia masih ada kuasa lagi yang limited kepada cari dana sahaja.*

Menurut informan 4 lagi, kuasa yang diberikan kepada LPS adalah mengikut Akta Pendidikan 1961 dan 1996 sebagaimana di bawah;

Informan 4 : *Dalam akta pelajaran 1961, 1996 tu, ada peruntukan lembaga. Dia masih adalah pihak yang mengurus sekolah itu. Dari segi undang-undang, dia ada kuasa untuk urus sekolah.*

Dapatan kajian mendapati LPS sekolah kebangsaan seperti SJKC dan SMJK mempunyai kuasa pengelolaan yang terhad berbanding LPS sekolah persendirian seperti SAR dan SMPC. Hal yang demikian kerana pengelolaan sekolah kebangsaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Justeru, semua aspek pentadbiran sekolah, kurikulum, peperiksaan dan pensijilan, penggajian dan bantuan kewangan adalah di bawah bidang kuasa KPM. LPS sekolah kebangsaan hanya berfungsi dalam batas yang terhad seperti urusan kutipan tabung LPS dan projek pembangunan sekolah. Bagi SMPC pula, LPS adalah lebih bebas dan mempunyai banyak fungsi dalam membangunkan sekolah. Ini disebabkan oleh status sekolah persendirian yang tidak terikat dengan pengawalan KPM.

Berdasarkan dapatan di atas, pengkaji mendapati bahawa wujud konflik pertindanan kuasa pengelolaan yang berlaku terhadap SAR yang melibatkan LPS, kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Sebaliknya, pengelolaan SC tidak mengalami konflik pertindanan kuasa. Hal ini berlaku disebabkan faktor status SJKC dan SMJK sebagai sekolah kebangsaan. Manakala pengelolaan SMPC, kedua-dua kuasa iaitu DJZ sebagai pembuat dasar pendidikan sekolah Cina dan LPS sebagai penaung atau pengurusan sekolah mempunyai kuasa yang spesifik dan tidak berlaku pertindihan kuasa antara mereka. Hasil kerjasama yang erat dan ketiadaan konflik ini memudahkan kerja-kerja pengelolaan mereka terhadap sekolah bahkan memajukan sekolah khasnya SMPC.

#### ***Kebebasan Dalam Mendapatkan Agihan Bantuan Kerajaan***

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, pengelola SAR dan SC menuntut supaya sekolah mereka mendapat bantuan yang sama sebagaimana sekolah kerajaan. Tuntutan tersebut adalah berasaskan kepada kedudukan sekolah yang sah dari sudut perundangan negara dan sumbangannya terhadap perkembangan pendidikan kepada masyarakat. SAR dan SC berperanan besar dalam memberikan pendidikan dan menyediakan peluang pekerjaan bagi masyarakat. Pada masa yang sama pengelolaan kedua-dua sekolah telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang banyak untuk pembangunan pendidikan negara (Peng, 2013). Perkara ini dinyatakan oleh informan 3 seperti berikut;

Informan 3 : *Memang kita feel tak adil adalah sebab kita spend... kita spend a lot of time to educate our national kids and then kita spend a lot of time cari resources sama-sama kita untuk membangunkan Malaysia. So we should be fair that, we should get something equal for the government also. Because we pay tax also.*

Dalam erti kata lain, pengelola SAR dan SC menyedari bahawa pengurusan sekolah memerlukan belanja yang besar dan mereka tidak mampu untuk menanggungnya jika tidak mendapat bantuan kerajaan. Mereka mengakui pernah menerima sebahagian peruntukan kewangan, namun pemberian bantuan tersebut didapati tidak adil kerana ia mengambil kira kategori sekolah dan jumlah agihan bantuan yang tidak sama rata.

### ***Peminggiran Keadilan dalam Agihan Bantuan Mengikut Kategori Sekolah***

Pengelola SAR dan SC mengakui wujudnya diskriminasi agihan bantuan persekolahan berasaskan kategori sekolah. Mereka mempersoalkan keikhlasan kerajaan menjamin pembangunan dan layanan yang sama rata kepada semua aliran sekolah.

Informan yang ditemubual mempersoalkan tentang ketidakadilan agihan bantuan kewangan kerajaan dari segi kategori sekolah. Menurut informan 1 dan 2, sepatutnya SAR dan SC mendapat peruntukan bantuan kewangan yang sama dengan kategori sekolah agama kebangsaan yang lain. Justeru, bagi mereka tidak perlu ada perbezaan dalam pemberian bantuan kewangan. SAR juga melaksanakan kurikulum kebangsaan dan mengambil peperiksaan kebangsaan.

Informan 1 : *Jadi, kesemua sistem pendidikan ini sama ada ia SJKC, SMPC sama ada ia SJKT, ataupun ia SAR, ianya masih lagi berada di dalam dasar pendidikan kebangsaan yang diiktiraf. Tetapi malangnya... tetapi malangnya iaitu kerajaan hanya mengutamakan pendidikan yang di bawah... yang diurus selia terus oleh pihak kerajaan.*

Informan 2 : *.... tetapi sebenarnya ada lagi sistem pendidikan lain yang sepatutnya juga dia perlu mengambil berat dan ianya juga perlu untuk dipandang dengan secara seimbang dengan secara adil.*

Pengelola SC juga mendakwa berlaku peminggiran keadilan terhadap SJKC kategori bantuan modal kerana tidak mendapat bantuan pendidikan yang sama dengan SJKC kategori bantuan penuh walaupun kedua-duanya adalah sekolah jenis kebangsaan. Justeru, DJZ mendesak KPM agar bantuan diberikan secara adil kepada semua SJKC. Cadangan mereka agar KPM boleh memberikan bantuan bukan mengikut kategori sekolah untuk mengelakkan ketidakadilan bantuan dan pembangunan sekolah SJKC. Perkara tersebut dijelaskan oleh informan 3 dan 4 seperti berikut;

Informan 4 : *..tak kira sekolah kamu adalah bantuan kerajaan ataupun tidak apa sahaja tambahan sekolah, kerajaan tidak akan tanggung perbelanjaan. Tak kira bantuan kerajaan ataupun tidak. Ia adalah respective, you nak buat tambahan, kita perlu apply kadang kala dia akan bagi. Kalau dia bagi pun dia tak akan bagi 100%.*

Informan 3 : *Kalau adil you anggap ia sebagai sekolah kerajaan, patut dia sama dengan SK lah. Nama dia memang sekolah kerajaan tapi dia, tidak dianggap macam kerajaan.*

Perjuangan DJZ dalam mendapat keadilan kepada kategori sekolah bantuan modal telah berlangsung sekian lama, namun DJZ masih belum berjaya dalam mendapatkan hak tersebut. Bagi pihak kerajaan, agihan bantuan pendidikan lebih banyak diberikan kepada SJKC kategori bantuan penuh kerana institusi tersebut adalah sekolah kerajaan sepenuhnya. Walaupun begitu, SJKC bantuan modal akan mendapat bantuan penuh kerajaan dengan syarat pengelola sekolah bersetuju untuk menyerahkan tanah sekolah kepada pihak kerajaan dan menjadikannya sebagai SJKC kategori bantuan penuh (Peng, 2013).

### ***Peminggiran Keadilan dari Aspek Jumlah Agihan Bantuan Kepada Sekolah***

Pengelola kedua-dua jenis sekolah juga mendakwa berlaku peminggiran keadilan dari aspek jumlah agihan bantuan kepada sekolah. Pihak pengelola SAR melahirkan kekecewaan kerana kesukaran untuk mendapat bantuan kewangan dari pihak-pihak berwajib. Selain itu, bantuan yang diterima adalah berbentuk *one-off* dan bukan perkapita. Bantuan kewangan yang diterima daripada kerajaan negeri adalah sedikit untuk kesemua SAR, tidak menyeluruh dan tidak mencukupi berbanding dengan perbelanjaan yang diperlukan untuk pengelolaan sekolah adalah tinggi. Walaupun SAR mendapat penambahan bajet pendidikan setiap tahun daripada pihak kerajaan, namun peruntukan tersebut tidak dapat menampung perbelanjaan pengurusan sekolah sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 2 di bawah;

Informan 2 : *Kerajaan negeri tidak beri, kerajaan... jabatan agama tak beri, baitulmal tak beri, kerajaan persekutuan pun tak beri. Ada pun yang macam saya sebut tadi tu lah. Sekali-sekala lah? One off. Dekat-dekat pilihanraya ni adalah... lima ribu, sepuluh ribu.*

Lantaran itu, pihak pengelola sekolah perlu berusaha sendiri bagi mengumpul dana sekolah berbanding hanya mengharapkan bantuan kewangan kerajaan. Hal ini dinyatakan oleh informan 2 dan 3 yang berasa kecewa terhadap ketidakadilan agihan sumber kewangan. Perjuangan membangunkan pendidikan SAR perlu diteruskan walaupun tidak mendapat bantuan pihak kerajaan.

Informan 2 : *Duit semua kena cari sendiri.. Yang bantu kami ni sebenarnya kadang-kadang di sini kan walaupun sedikit... PPD bantu kami, JPN bantu kami, swasta bantu kami, sektor-sektor korporat bantu kami. Orang yang bukan bahagian agama tu sebenarnya yang banyak bantu kami. Pejabat agama sebenarnya sangat minimum.*

Informan 3 : *..fund raising biasanya sekolah sendiri buat. Sebab sokongan adalah dari komuniti yang berdekatan dengan sekolah tu. Sebab anak-anak mereka hantar pergi sana.*

Walaupun SMPC mendapat bajet kewangan daripada kerajaan, bantuan RM12 juta pada tahun 2019, ia tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan kesemua sekolah. Kos perbelanjaan untuk semua SMPC adalah amat tinggi dan mereka mengalami defisit kira-kira RM40 juta pada setiap tahun. Oleh yang demikian DJZ terpaksa berusaha dengan lebih gigih bagi menambahkan dana pembangunan SMPC sebagaimana yang dinyatakan oleh informan 3 di bawah;

Informan 3 : *Tiap-tiap tahun kita ada lebih kurang RM40 juta yang defisit. Dan apa yang kita dapat hanyalah RM10 juta. Ini peruntukan yang diberi pada tahun 2018 ialah RM10 juta. Ada RM12 juta untuk 62 buah sekolah.*

Berdasarkan perbincangan di atas, pihak kerajaan khasnya KPM telah memberikan peruntukan bantuan pendidikan kepada SAR dan SC. Ini menunjukkan kerajaan bertanggungjawab dalam pembangunan pendidikan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia, (2012). Secara tidak langsung ia membuktikan kerajaan mengamalkan demokrasi pendidikan terhadap kedua-dua institusi pendidikan tersebut walaupun mereka bukan di bawah kawalan KPM. Namun begitu,



peruntukan bantuan pendidikan yang diberikan adalah terhad, berbentuk *one-off* dan tidak menyeluruh kepada semua sekolah. Pelaksanaan bantuan tersebut sudah pasti tidak dapat menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi oleh pengelola kedua-dua jenis sekolah. Secara keseluruhannya hasil dapatan kajian boleh dirumuskan sebagaimana dalam jadual berikut;

**Aspek Amalan Pendemokrasian Pendidikan Dalam Pengelolaan SAI dan SC**

No	Aspek Amalan pendemokrasian pendidikan	Informan	Dapatan kajian
1.	Kebebasan dalam Mencapai Matlamat Utama Penubuhan Sekolah	1	Di samping menggunakan kurikulum kebangsaan, SAI lebih menekankan kurikulum Diniah yang menjadi matlamat asal penubuhan sekolah.
		2	Walaupun kurikulum SAI dan SC berbeza dengan kurikulum kebangsaan, tetapi mempunyai matlamatnya yang sama dan selaras dengan falsafah pendidikan kebangsaan.
		3	Matlamat penubuhan SC adalah selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan.
2.	Kebebasan Mendapatkan Hak dalam Perlembagaan dan Perundangan	4	SC telah wujud dan diterima sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Kini, kedudukan SJKC dan SMPC dijamin dalam Akta Pendidikan 1996.
		1	SAI termasuk SAR dari segi status dan bantuan pendidikan diperakukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pendidikan 1996.
3.	Kebebasan Kuasa Pengelolaan Sekolah	2	Pengelola sekolah perlu mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) untuk menubuhkan SAR kerana kuasa pengawalan SAR adalah di bawah JAIN.
		1	Pertindanan kuasa berlaku antara kerajaan negeri dan LPS apabila sekolah yang dibina di atas tanah wakaf. Pertindanan kuasa juga berlaku antara kerajaan negeri (hak agama Islam) dan kerajaan persekutuan (hak pendidikan).
		4	Berdasarkan Akta Pendidikan, SMJK mempunyai LPS yang mana bidang kuasanya hanya terhad kepada pendanaan sekolah ( <i>fund raising</i> ).
4.	Kebebasan Dalam Mendapatkan Agihan Bantuan	1 dan 2	Berlaku ketidakadilan agihan bantuan kewangan kerajaan terhadap SAR dan SMPC dari segi kategori

	Kerajaan	3 dan 4  2  2 dan 3	<p>sekolah kerana kedua-duanya adalah sekolah aliran persendirian.</p> <p>Pengelola SC mendakwa berlaku peminggiran keadilan terhadap SJKC kategori bantuan modal kerana tidak mendapat bantuan pendidikan yang sama dengan SJKC kategori bantuan penuh walaupun kedua-duanya adalah sekolah jenis kebangsaan.</p> <p>SAR alami kesukaran untuk mendapat bantuan kewangan dari pihak-pihak berwajib. Selain itu, bantuan yang diterima adalah berbentuk <i>one-off</i> dan bukan perkapita. Bantuan kewangan yang diterima daripada kerajaan negeri adalah sedikit untuk kesemua SAR, tidak menyeluruh dan tidak mencukupi.</p> <p>Pihak pengelola sekolah perlu berusaha sendiri bagi mengumpul dana sekolah berbanding hanya mengharap bantuan kewangan kerajaan.</p>
--	----------	---------------------------------	---

### Kesimpulan

Kajian yang telah dijalankan telah mencapai objektifnya di mana pihak kerajaan didapati mengamalkan demokrasi tidak sempurna dalam memenuhi empat aspek hak pendidikan SAI dan SC. Kerajaan mengamalkan pendemokrasian pendidikan terhadap matlamat penubuhan utama SAR dan SC di mana kerajaan membenarkan penggunaan kurikulum identiti di samping kurikulum kebangsaan. Namun begitu, pengamalan pendemokrasian pendidikan didapati tidak sempurna terhadap kedua-dua jenis sekolah walaupun kedudukan sekolah adalah sah dari sudut perundangan dan perlembagaan negara. Pengelola SAR berbanding SC masih mengalami konflik dua kuasa pengelolaan iaitu pertindanan kuasa yang berlaku antara kerajaan negeri dan LPS, dan kuasa kerajaan negeri dan kuasa kerajaan persekutuan. Selain itu, pengelolaan kedua-dua jenis sekolah juga mengalami peminggiran keadilan dalam mendapatkan agihan bantuan kerajaan. SAR dan SC tidak menerima bantuan pendidikan yang sama seperti sekolah aliran kebangsaan di mana bantuan yang diterima adalah berdasarkan kategori sekolah dan jumlah agihan bantuan yang rendah dan tidak mencukupi. Dapatan kajian tidak dapat mencapai objektif kajian secara keseluruhan mengenai amalan pendemokrasian pendidikan di semua SAR dan SC kerana melibatkan jumlah informan yang terhad. Oleh itu, kajian lanjutan dengan saiz informan yang lebih besar perlu dilakukan bagi memperoleh dapatan yang mewakili semua SAR dan SC di Malaysia. Kajian ini akan dapat membantu pengelola sekolah untuk memperkukuhkan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai kuasa pengelolaan asal sekolah. Selain itu, kajian ini membantu mereka untuk mengenalpasti cabaran dalam pengelolaan dan mencari solusi yang terbaik dalam menangani cabaran tersebut. Selanjutnya, kajian ini dapat membantu mereka untuk mewujudkan jaringan dengan NGO pendidikan yang pelbagai untuk berkongsi tentang kemahiran pengelolaan dan pengurusan sekolah. Amalan pendemokrasian pendidikan terhadap pengelolaan di kedua-dua jenis sekolah menunjukkan bahawa pihak

kerajaan begitu optimis dengan hala tuju dasar pendidikan kebangsaan bagi memenuhi aspirasi negara dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21.

### Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, yang telah memberikan peluang dan ruang kepada artikel kami untuk diterbitkan dalam jurnal *International Journal of Modern Education (IJMOE)*.

### Rujukan

- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). (2015). Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah Terpilih. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Amin, M. H. dan Jasmi, K. A. (2012). Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu dan Cabaran. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Collins, A. (2011). Ahli Pendidikan Cina di Malaysia: Pejuang Jati Diri Masyarakat Cina. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu*. 2(2), 17- 39.
- Darling-Hammond, L. (1997). *Doing What Matters Most: Investing in Quality Teaching*. New York: National Commission on Teaching and America's Future.
- Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong. (1999). Kuala Lumpur: Dong Jiao Zong.
- Dewey. (1966). *Democracy and Education: An Introduction to the Philosophy of Education*. New York: Free Press.
- Husaini, M. H., Yusoh, A. M., Mat Ali, A., Mohd Pisol, M. I., Mat Razali, A. S., Mat Saad, D. U., Aziz, M. B. & Rani, J. (2018). Kurikulum Bersepadu Dini: Pelaksanaan dan Cabaran. *4<sup>th</sup> International Conference On Islamiyyat Studies 2018. IRSYAD 2018 E-Prosiding: 913 – 920*.
- Hussin, S. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Ishak, M. et al. (2019). Isu Dan Cabaran Pendidikan Pondok Dari Lensa Pegawai Jabatan Dan Majlis Agama Islam Negeri Di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling Volume: 4 Issues: 31 [June, 2019] pp.384-393*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Selangor: KPM Putrajaya.
- Keong, C. Y. (2013). *Gerakan Pendidikan Cina di Malaysia: Satu Kajian Tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970 – 2002)*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Langgulong, H. (2003). *Asas–Asas Pendidikan Islam*. Edisi Kelima. Jakarta: Pustaka Al Husna Baru.
- Mat Diah, A. H. (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- McNamara, Carter. (1999). PhD Thesis. *General Guidelines for Conducting Interviews*, Minnesota.
- Mohamed, A.F. (1997). *Pendemokrasian Pendidikan: Suatu Pentafsiran dan Tinjauan Mengenai Pendekatan Serta Perlaksanaannya Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia*. *Jurnal Peradaban*. 9 (1). 15-31.
- O’Hair, M. J., McLaughlin, H. J. & Reitzug, U. C. (2000). *Foundations of Democratic Education*. New York: Harcourt College Publishers.
- Peng, C. F. (2013). Ulasan Buku: Gerakan Pendidikan Cina di Malaysia: Satu Kajian Tentang Perjuangan Dong Jiao Zong (1970 – 2002). *Journal of Chinese Literature and Culture*, 1 (2), 227 – 230.

- Sia, T. Y. (2005). *Politik Dongjiaozong Dalam Pendidikan Vernakular Cina di Semenanjung Malaysia (1960-1982)*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Thomas, F. B. (2022). The Role of Purposive Sampling Technique as a Tool for Informal Choices in a Social Sciences in Research Methods. *Just Agriculture Multidisciplinary e-Newsletter*, 2 (5).
- Umar, A. (2011). Penginstitusian Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dalam Polisi Pendidikan Kebangsaan: Satu Kajian Kes di Kelantan. Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tesis PhD UKM).
- Umar, A. & Hussin, S. (2015). Peranan Negeri Dalam Memperkukuhkan Sistem *Madrasah* Di Malaysia: Kajian Ke atas Pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(1), 21-30.
- Umar, A. & Md Nawi, N. H. (2016). Kekangan Peruntukan Waktu Masa Pelajaran Kurikulum Diniyah di Sekolah-sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Kelantan Dalam Memenuhi Kurikulum Kebangsaan. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 17, 53 – 67. ISSN 1511-8393.
- UNESCO. (1990). The Talloires Declaration. [http://www.ulsf.org/programs\\_tallories.html](http://www.ulsf.org/programs_tallories.html)
- Yek, S. K. (2005). *SRJK (Cina) dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan- Dilema dan Kontroversi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Yoong, C. T. & Abdullah, N. A. T. (2023). Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 8 (2), 1-14.
- Zainal Abidin, M. Z. H., Ismail, H., Yusof, M. Y., Mohd Noh, A. M., Hassan, P., Jelani, A. B., dan Ramli, M. A. (2020). Demokrasi Pendidikan Dalam Sistem Pengajian di Institusi Pondok: Pelaksanaan dan Amalan. *Ideologu Jurnal*, 5(1), 119 – 130.